

Formula Rumpun Tinggang untuk selesai krisis

12.9.87

SEREMBAN, Jumaat — Jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh anak Waris Perut Ulu daripada Rumpun Tinggang mengemukakan dua memorandum kepada Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan mengenai cadangan bagi menamatkan krisis perlantikan Datuk Kelana (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10.

Ia dipersembahkan kepada Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan selaku Pengerusi dewan dan salinannya dihantar kepada Undang Jelebu, Johol dan Rembau serta Tunku Besar Tampin.

Jurucakap anak Waris Rumpun Tinggang berkata selain mengemukakan cadangan, jawatankuasa itu, ditubuhkan baru-baru ini juga menyenaraikan 13

calon Datuk Kelana ke-10 yang mewakili Rumpun berkenaan.

Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh Syed Abu Bakar Syed Hassan.

Menurut jurucakap itu, memorandum itu mengandungi beberapa cadangan ke arah menamatkan krisis perlantikan Datuk Kelana ke-10 selain pendapat anak Waris Rumpun Tinggang menyentuh

faktor utama yang menyebabkan berlakunya krisis itu.

Jurucakap itu menambah jawatankuasa berkenaan sedia bekerjasama dengan pihak berkuasa terutama dewan sendiri bagi merumuskan jalan penyelesaian yang adil dan saksama terhadap krisis itu.

Menurutnya, jawatankuasa itu sedia

mengaturkan siri perbincangan di antara mana-mana ahli dewan termasuk Menteri Besar, Datuk Haji Mohd Isa Haji Abdul Samad selaku seorang ahli 'ex-officio' dengan anak-anak Waris Rumpun Tinggang.

Bagaimanapun, jelasnya setakat ini tidak ada sebarang pihak termasuk dewan sendiri yang mengeluarkan arahan lanjut kepada jawatankuasa itu.

"Sehubungan ini, kami anak-anak Waris Rumpun Tinggang memohon jasa baik dewan supaya menyatakan pendiriannya mengenai Rumpun mana yang layak menyandang pêsaka Datuk Kelana ke-10 bagi mengelakkan kemungkinan timbulnya kekeliruan di kalangan anak-anak Waris sama ada daripada Perut Ulu atau Hilir," ujarnya.

Difahamkan anak-anak Waris Perut Ulu daripada empat Rumpun iaitu Bayu, Tinggang, Dusun dan Nyonyoi telah pun mengemukakan senarai calon Datuk Kelana ke-10 yang mewakili Rumpun masing-masing bagi pertimbangan dewan.